

## Sifat Pemaaf

Daripada Abi Umamah RA katanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ عَفَا عِنْدَ الْقُدْرَةِ عَفَا اللَّهُ عَنْهُ يَوْمَ الْعَسْرَةِ

**Maksudnya:** "Siapa yang memaafkan ketika mampu dan berkuasa nescaya Allah ampunkannya pada hari kesukaran (hari kiamat)."

Riwayat al-Tabarani dalam *al-Kabir* (8/128) no. (7585)

### Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Dr. Aidh Abdullah al-Qarani di dalam bukunya *La Tahzan* berkata: Sikap lemah lembut dalam segala sesuatu adalah perkara yang sangat terpuji. Sementara segala sesuatu yang tidak didapati sikap lemah lembut, maka hasilnya akan tidak baik dan bahkan tidak akan terlepas daripada celaan dan cemuhan.
2. Sikap lemah lembut dalam setiap perbincangan adalah terletak pada senyuman yang menawan pada wajah dan sapaan yang baik ketika saling berjumpa. Ini adalah sopan santun yang indah, yang selalu diamalkan oleh orang yang mendapat keuntungan. Ini merupakan sifat dan ciri orang mukmin. Iaitu serupa dengan lebah yang makan sesuatu yang baik dan menghasilkan sesuatu yang baik. Apabila ia hinggap ke atas bunga-bunga, maka ia tidak pernah merosakkannya. Ini kerana Allah SWT telah memberikannya tabiat yang lemah lembut, yang tentunya tidak sama dengan sikap kasar dan tidak mengikut peraturan.

3. Sebahagian umat manusia ada yang mengkagumkan sehingga orang lain bersesakan untuk melihatnya, semua pandangan tertumpu ke arahnya. Mereka juga memberikan sambutan yang hangat serta penghormatan yang luar biasa kepadanya kerana dia adalah orang yang dicintai dan disenangi dalam segala keadaannya. Iaitu sama ada dalam perkataannya, dalam pengambilannya, dan pemberiannya, dalam penjualannya dan pembelinya mahupun dalam pertemuannya dan dalam perpisahannya.
4. Cara mencari teman yang baik merupakan seni yang perlu dipelajari dengan baik, yang mana ianya selalu dilakukan oleh orang-orang yang cerdas dan pandai. Oleh itu, mereka selalu disenangi dan dikagumi kebanyakan manusia.
5. Jika mereka hadir di tengah-tengah masyarakat, maka senyuman dan kebahagiaan yang dilemparkan kepada orang yang mengaguminya. Jika mereka tidak ada di tempat atau di tengah masyarakatnya, maka mereka selalu mendoakan dengan baik. Kami tidak tidur malam. Para penumpang yang sedang dalam perjalanan tidur dalam keadaan nyenyak, walaupun malam sangat panjang waktunya. Kami adalah orang yang selalu dalam mengadakan perjalanan, sebab di setiap perkampungan selalu dilayan dengan penuh hormat.
6. Mereka yang selalu mendapat kebahagiaan adalah orang yang mempunyai aturan etika sopan santun yang selalu diamalkan. Mereka adalah orang yang menghilangkan sikap iri hati dan dengki dengan emosi yang bergelora, ketabahan yang hangat serta kemaafan yang luar biasa. Mereka berpura-pura tidak mengetahui perbuatan jahat yang pernah dilakukan ke atasnya. Mereka selalu menjaga bagi perbuatan orang lain.
7. Ungkapan-ungkapan kotor serta menyakitkan hati selalu diarahkan kepadanya, akan tetapi tidak pernah ditampung dalam telinga mereka. Bahkan dia membuang sejauh-jauhnya sehingga tidak mahu lagi mengulang-ulanginya. Mereka adalah orang yang selalu mengalami ketenangan. Umat manusia juga enggan menganggunya, sementara orang yang beriman selalu memberikan ucapan salam sejahtera kepadanya.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Orang yang paling banyak merenung adalah orang yang paling banyak memaafkan sesama insan, kerana dia mendasarkan sikap dan ucapannya dengan cara yang paling baik. Orang seperti itulah yang akan memberi ketenangan kepada dirinya dan orang lain.
- ❖ **Pujangga berkata:** Jangan berlebih-lebihan dalam berlumba dan berjuang. Belajarlah supaya anda boleh bersikap bertolak ansur terhadap diri sendiri. Apatah lagi ketika anda berjaya mengalahkan seseorang dalam pekerjaan tertentu. Anda membiarkan perasaan anda begitu sahaja, tanpa memberi kebahagiaan sedikit pun dengan kemenangan yang anda capai.

### Kisah Teladan

Muawiyah bin Abu Sufyan RA memiliki ladang di kota Madinah yang berhampiran dengan ladang Abdullah bin Zubair al-Hawari RA. Pekerja Muawiyah menceroboh masuk ke dalam ladang Abdullah bin Zubair RA. Berikutan itu, Abdullah bin Zubair RA naik angin. Permusuhan di antara kedua sahabat memang sudah terpendam sekian lama. Lalu dia menulis sepucuk surat kepada Muawiyah RA yang isinya: Kepada Muawiyah bin Hindun si pemakan hati (Hamzah bin Abu Talib)!

Selanjutnya, pekerjamu telah menceroboh masuk ke kawasan ladangku. Perintahkanlah mereka supaya keluar sekarang juga dari kawasan ladangku itu. Demi Allah, yang tiada Tuhan selain Dia! Jika kamu tidak memerintahkan mereka keluar, maka terimalah padahnya yang akan menimpa dirimu.

Muawiyah RA dikenali sebagai seorang yang penyabar dan berjiwa besar. Sebaik sahaja menerima surat tersebut, dia membacanya dan kemudian memaparkan isi surat itu kepada anaknya yang bernama Yazid. Dia meminta pendapat anaknya dan berkata kepadanya: “Bagaimanakah pendapatmu tentang isi surat Ibn al-Zubair dan dia telah memberi amaran kepadaku?”

Yazid menjawab: “Kirimkanlah pasukan seramai mungkin, dan pastikan mereka berjaya membawa kepala Ibn al-Zubair kepadamu.” Tindakan Muawiyah ini hanya untuk melatih anaknya supaya bersifat sabar dan tidak panas baran. Muawiyah RA tidak bersetuju dengan tawaran anaknya, malah dia berkata: Aku akan membalasnya dengan cara yang lebih baik sehingga kita tetap menjalin hubungan silaturahmi dengannya. Kemudian Muawiyah mengirinkan sepucuk surat kepada Ibn al-Zubair, yang isinya adalah: Dari Muawiyah bin Abu Sufyan kepada Abdullah bin al-Zubair bin Asma' yang bergelar *Zat al-Nithaqain*.

Selanjutnya, demi Allah, yang tiada Tuhan selain Dia! Seandainya dunia ini hanya dimiliki antara aku dengan kamu, tentulah aku akan memberikan semuanya kepadamu. Seandainya ladangku terbentang dari kota Madinah hingga ke Damsyiq, nescaya aku akan menyerahkannya kepadamu semuanya. Jika telah menerima suratku ini, maka ambillah ladangku itu sebagai sebahagian dari pemilikanmu dan jadikanlah pekerjaku sebagai pekerjamu juga.

Sebaik sahaja surat itu diterima oleh Ibn al-Zubair RA, dia terus menangis sehingga air matanya membasahi surat itu. Kemudian dia berangkat ke Damsyiq untuk menemui Muawiyah. Setibanya di sana dia mengucapkan salam dan mencium kepalanya sambil berkata: “Semoga Allah tidak menghilangkan sifatmu yang penyabar. Inilah sifat yang amat dibanggakan oleh bangsa Quraisy dan ternyata kamu dapat mewarisi sifat yang mulia ini.”